



SIARAN MEDIA

JBPM PERKUKUH KESIAPSIAGAAN BERDEPAN MTL 2025/2026

KUALA LUMPUR, 17 NOVEMBER 2025 – YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (YBKM) telah diberikan taklimat lengkap berhubung perkembangan terkini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada Majlis Sentuhan Kejayaan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia hari ini.

YAS Dato' Sri Ts. Nor Hisham bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menyampaikan taklimat tersebut pada majlis yang turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta barisan kepimpinan tertinggi KPKT.

YAS Dato' Sri Ts. Nor Hisham menerusi taklimat kepada YBKM memaklumkan bahawa JBPM kini berada dalam keadaan kesiapsiagaan penuh bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang melanda negara bermula 13 November sehingga bulan Mac 2026.

Langkah kesiapsiagaan jabatan telah dimulakan susulan pengeluaran surat arahan Kesiapsiagaan Menghadapi Monsun Timur Laut 2025/2026 pada 29 September lalu oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) yang disusuli dengan Hari Pengujian dan Pemeriksaan Logistik Operasi Banjir (MTL Log Day) pada 1 November 2025.

Menerusi MTL Log Day, kesemua peralatan menyelamatkan, jentera, bot, pam air serta kelengkapan perlindungan diri anggota diarahkan untuk diperiksa bagi menilai tahap kesiapsiagaan aset, logistik dan keupayaan anggota dalam menghadapi MTL selain memastikan kesemua aset milik jabatan berada dalam keadaan terbaik dan sedia digerakkan pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.

Kesiapsiagaan menghadapi MTL terus diperkukuh dengan pengagihan sebanyak 150 buah bot untuk kegunaan komuniti setempat, di kawasan tumpuan banjir bagi membantu komuniti setempat melaksanakan pemindahan awal secara teratur, terutama di kawasan yang kerap dinaiki air atau berdepan banjir berlarutan sehingga beberapa hari.

Dengan kekuatan keanggotaan keseluruhan seramai 24,585 orang anggota dan pegawai yang terdiri daripada 13,314 pegawai sepenuh masa, 2,315 pegawai bomba bantuan dan 8,956 pegawai bomba sukarela, JBPM positif dapat menyalurkan khidmat kebomba dengan penuh efisien.

Pembentangan pagi ini turut menyentuh tentang pengembangan serta pengukuhan Unit Pengesanan K9 jabatan di mana jabatan telah menyempurnakan proses perolehan anjing K9 baharu berjumlah 16 ekor melibatkan kos berjumlah RM1.80 juta dengan tambahan suntikan sebanyak RM0.60 juta dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).



SIRIM



ACBQMS01



SIRIM



ACBABMS01



Jabatan telah menerima anjing-anjing K9 baharu ini pada 16 Oktober lalu dan kini bersedia untuk pengoperasian di lapangan setelah menyempurnakan Latihan Penyesuaian Pemegang dan Iklim dari 27 Oktober hingga 11 Disember lalu.

Bermula tahun 2025 juga, jabatan telah mengorak langkah dalam memperkasakan lagi Unit K9 dengan pelaksanaan program pembiakan dalaman melibatkan kos sebanyak RM0.7 juta, pembangunan kandang isolasi di Jalan Kelang Lama bernilai RM0.93 juta dan penubuhan cawangan stesen operasi K9 di Bertam, Pulau Pinang melibatkan peruntukan sebanyak RM19 juta.

Pada majlis sama, YAS Dato' Sri Ts. Nor Hisham turut menyentuh berkenaan peningkatan jumlah panggilan palsu menerusi talian kecemasan saban tahun. Jabatan telah merekodkan peningkatan sebanyak **141** panggilan palsu pada tahun 2023, **196** panggilan palsu pada tahun 2024 dan **211** panggilan palsu pada tahun 2025. Walaupun jumlah panggilan palsu masih rendah secara relatif, trend peningkatannya dari tahun ke tahun amat membimbangkan dan menuntut perhatian serius.

Sehubungan itu, pada 11 November 2025, jabatan telah mengeluarkan satu siaran media bagi mengingatkan orang ramai agar tidak menyalahgunakan perkhidmatan panggilan kecemasan 999 kerana dibimbangi ia akan mewujudkan suatu lompong perlindungan apabila pasukan penyelamat tidak dapat digerakkan ke lokasi kejadian yang memerlukan bantuan segera, sekaligus boleh mengorbankan nyawa serta menjejaskan keberkesanan keseluruhan sistem kecemasan negara.

Dalam pada itu, YBKM ketika berucap menyempurnakan majlis turut memaklumkan bahawa Kerajaan MADANI dan KPKT sentiasa menjadikan agenda pemerkasaan dan pembangunan aspek kebombaian dan penyelamatan sebagai keutamaan.

“Suka juga untuk saya umumkan bahawa, peruntukan sebanyak RM1.43 Billion dengan siling peruntukan RM278 juta telah diluluskan bagi Belanja Pembangunan (DE) di bawah Rolling Plan Pertama (RP1), Rancangan Malaysia ke-13 (RMKe-13) bagi pelaksanaan 27 Projek Baharu Fizikal Binaan dan Kelengkapan dan 59 Projek Sambungan bagi JBPM.

“KPKT amat berterima kasih kepada Kerajaan MADANI atas keprihatin dan komitmen yang diberikan dalam merealisasikan agenda keselamatan awam dan pengurusan bencana yang berkesan demi kesejahteraan rakyat dan negara,” ujar beliau.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

17 November 2025